

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA: 4(B)(XIV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

18. Adakah parit-parit lama di sekitar Pulau Pinang akan dinaik taraf untuk menghadapi musim hujan yang semakin lebat serta bagi mengelak dari berlakunya banjir kilat memandangkan tambatan banjir memerlukan lebih banyak infrastruktur untuk mengatasi masalah ini?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sememangnya menaik taraf dan menyelenggara parit-parit dan sistem saliran yang terletak di kawasan *hotspot* banjir kilat. Malah, terdapat kajian yang turut dilaksanakan oleh MBPP dan perunding kejuruteraan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di lokasi-lokasi *hotspot* tersebut.

Projek menaik taraf parit-parit lama ini juga dibuat secara berperingkat memandangkan ia tertakluk kepada peruntukan yang diterima.

Senarai projek terperinci yang sedang dilaksanakan oleh JPS, MBPP dan MPSP masing-masing adalah seperti di **Lampiran A, B dan C**.